

05 OCT 2003

Mahathir-foto

MEDIA MALAYSIA BERI PENGHORMATAN KEPADA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail akan merasmikan pameran foto "Seribu Wajah Dr Mahathir: Satu Penghargaan Kepada Seorang Negarawan" di Balai Seni Lukis Negara, di Jalan Tun Razak, di sini, esok.

Pameran dua bulan itu adalah anjuran bersama Kementerian Penerangan, Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (Bernama) dan Media Malaysia sebagai satu penghormatan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Yang akan dipamerkan adalah gambar-gambar Dr Mahathir yang diambil oleh juru gambar media, Jabatan Penerangan dan Bernama sejak 22 tahun beliau menerajui negara.

Pengurus Komunikasi Korporat Bernama, Sobrey Jaafar berkata 500 dari gambar-gambar yang akan dipamerkan itu, dicetak atas kanvas manakala 500 keping lagi adalah dalam bentuk multi media dan kolaj.

"Ini adalah peluang kepada para jurugambar dan pelajar untuk melihat hasil jurugambar professional dari media dan kebanyakan gambar-gambar itu belum pernah diterbitkan sebelum ini," katanya.

Beliau berkata majlis perasmian pada pukul 4 petang esok dijangka akan siarkan secara langsung oleh RTM.

Pameran itu akan dibuka kepada orang ramai mulai hari Selasa dari pukul 10 pagi hingga 6 petang, dan masuk adalah percuma.

Sobrey berkata jawatankuasa penganjur menjangka lebih sejuta pengunjung akan melawat pameran itu, yang merupakan pameran fotografi bertaraf antarabangsa yang terbesar.

Maklumat lanjut boleh diperolehi dari Unit Komunikasi Korporat Bernama menerusi talian 03-2693 9933.

-- BERNAMA

AZZ AZZ AZH